

# **PENGHAYATAN SYARIAT MELALUI PENJAGAAN KESIHATAN: TINJAUAN PENCAPAIANNYA DI MALAYSIA**

Oleh  
Dr. Rohani Binti Desa  
Pensyarah kulliyah Syariah Dan Undang-undang  
Kolej Universiti Insaniah (KUIN)

## Pendahuluan

Kesakitan atau penyakit<sup>1</sup> mengandungi hikmah tertentu namun manusia dipertanggungjawabkan menjaga kesihatan dirinya sendiri dan mereka yang berada di bawah tanggungjawabnya daripada ditimpa kesakitan atau penyakit. Menurut al-Syarbasi, manusia ketika sihat tidak memahami apa itu penyakit dan rasa sakit, bahkan tidak menyedari kesihatan itu sendiri kerana sesuatu perkara biasanya disedari apabila seseorang berkeadaan sebaliknya sebagaimana kata pujangga :

*‘Kesihatan itu mahkota yang berada di atas kepala orang-orang yang sihat yang tidak dapat dilihat kecuali oleh orang yang sakit...’.*<sup>2</sup>

Menurutnya lagi, hikmah ditimpa kesakitan atau penyakit ialah pertama: kerehatan daripada kesibukan tuntutan hidup, kedua : merasai erti sihat dan merasai rasa sakit, ketiga : menghilangkan rasa megah dan angkuh kepada insaf dan patuh, keempat : mengingatkan seseorang kepada kekuasaan Allah SWT.<sup>3</sup> Ianya merupakan tuntutan syariat dan hukum berubat adalah sesuatu yang harus<sup>4</sup> berdasar al-Quran dan al-Sunnah dalam keadaan keselamatan nyawa terancam dengan sesuatu penyakit tuntutan berubat amat digalakkan. Firman Allah SWT:

(وَإِذَا مَرَضْتَ فَهُوَ يَشْفِينِ)

Maksudnya : *"Dan apabila aku sakit, maka Dialah yang menyembuhkan penyakitku.*

al-Syucara': 80

Hadis *Sahih* yang diriwayatkan daripada al-<sup>c</sup>Abbas yang berbunyi

سَلِ اللَّهَ الْعَاقِبَةَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya : *Mohonlah kepada Allah SWT kesihatan di dunia dan kesejahteraan di akhirat.*<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Kesakitan dan penyakit disebutkan dalam al-Quran dalam ayat-ayat berikut; al-Baqarah : 184, 185 dan 196, al-Nisa' : 43 dan 102, al-Ma'idah : 6, al-Tawbah : 92, al-Nur : 61, al-Fath : 17 dan al-Muzammil : 20.

<sup>2</sup> Lihat : Al-Syarbasi, al-Duktur Ahmad (t.t.), *Yas'alunak Fi al-Din wa al-Hayah*, Beirut : Dar al-Jayl, j.4, h.285-286.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> al-Baghdadi, Muwaffiq al-Din <sup>c</sup>Abd al-Latif (1986M), *al-Tibb Min al-Kitab Wa al-Sunnah* (Sunt. Dr. <sup>c</sup>Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji), Beirut : Dar al-Ma<sup>c</sup>rifah.

<sup>5</sup> Lihat : al-Tirmidhi, Abu <sup>c</sup>Isa Muhammad bin <sup>c</sup>Isa al-Tirmidhi al-Salmi (t.t.), *Sunan al-Tirmidhi* (Sunt. Ahmad Muhammad Syakir dll), Beirut : Dar 'Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi, j.5, h.534 (Bab 85, no.3514); Ahmad al-Hanbali, 'Abu <sup>c</sup>Abd al-Lah Muhammad bin <sup>c</sup>Abd al-Wahid al-Maqdisi (1410H), *al-'Ahadith al-Mukhtarah* (Sunt. <sup>c</sup>Abd al-Malak bin <sup>c</sup>Abd al-Lah bin

Tidak dinafikan bahawa kesihatan dan Syariat saling kait mengait antara satu sama lain sebagaimana sabda Nabi SAW yang menunjukkan kaitan antara sihat dan syariat sebagai berikut :

سلو الله المعافاة، فإنه لم يعط عبد بعد يقين خير من المعافاة.

Maksudnya : *Mohonlah kepada Allah SWT kesembuhan kerana tiada kurniaan Allah yang lebih baik selepas nikmat keyakinan kepadaNya melainkan nikmat kesihatan.*<sup>1</sup>

Bahkan salah satunya merupakan tujuan bagi yang lain iaitu di antara tujuan Syariat ialah membudayakan gaya hidup yang sihat dan tujuan sihat adalah untuk menunaikan tuntutan Syariat sehingga pernah disabdakan Nabi SAW tentang nikmat pertama yang akan ditanya di akhirat ialah penjagaan kesihatan dalam hadis berikut :

أول ما يسأل عنه العبد يوم القيامة من النعيم أن يقال له ألم نصح لك جسمك ألم نروك من الماء البارد

Maksudnya : *Nikmat pertama yang akan ditanya kepada manusia pada hari kiamat ialah; bukankah kami telah sembuhkan bagimu tubuh badanmu? Bukankah telah kami beri minummu air yang dingin?*<sup>2</sup>

Penjagaan kesihatan disyariatkan bertujuan menyihatkan tubuh badan dan menghindari penyakit untuk memudahkan penunaian ibadah. Setiap ibadah yang disyariatkan pula mempunyai impak langsung atau tidak langsung dengan kesihatan seperti ibadah puasadan lain-lain. Nabi SAW dalam mengaitkan ibadah puasa dan impaknya kepada kesihatan bersabda :

صوموا تصحوا

---

Dahisy), Mekah : Maktabah al-Nahdah al-Hadithah, j.8, h.387 (Man Asma<sup>c</sup> al-<sup>c</sup>Abbas bin <sup>c</sup>Abd al-Mutallib ibn Hasyim, no.465)

<sup>1</sup> Lihat : al-Tabrani, 'Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin 'Ayyub (1984M), *Musnad al-Syamiyyin* (Sunt. Hamdi bin al-cAbd al-Majid al-Salafi), Beirut : Mu'assasah al-Risalah, j.2, h.406 (no.1592); al-Nasa'i, 'Abu <sup>c</sup>Abd al-Rahman Ahmad bin Sy<sup>c</sup>ayb bin <sup>c</sup>Ali (1406H), *Amal al-Yawm wa al-Laylah* (Sunt. Dr. Faruq Hamadah), Beirut : Mu'assasah al-Risalah, c.2, j.1, h.502 (no.882).

<sup>2</sup> Lihat : Abu Zakariyya Yahya bin Mu<sup>c</sup>in (1979M), *Tarikh Ibn Mu<sup>c</sup>in Riwayah al-Duri* (Sunt. Dr.Ahmad Muhammad Nur Sayf), Mekah : Markaz al-Bahth al-<sup>c</sup>Ilmi wa Ihya' al-Turath al-Islami, j.3, h.19 (no.79); al-Naysaburi, 'Abu <sup>c</sup>Abd al-Lah Muhammad bin <sup>c</sup>Abd al-Lah al-Hakim (1977M), *Ma<sup>c</sup>rifah <sup>c</sup>Ulum al-Hadith* (Sunt. Al-Sayyid Mu<sup>c</sup>azzam Husayn), Beirut : Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah, c.2, j.1,h.187.

Maksudnya : *Berpuasalah kamu pasti kamu akan sihat.*<sup>1</sup>

Menurut al-Manawi,<sup>2</sup> pensyariatian puasa adalah bertujuan mencapai tahap kesihatan tubuh badan yang baik di samping ganjaran pahala yang banyak di Akhirat. Terkandung di dalam hikmah berpuasa ialah kesihatan fizikal, mental dan kognitif serta membendung nafsu ke martabat orang-orang beriman dan orang-orang yang melakukan amalan kebaikan. Begitu juga dalam pensyariatian solat yang menjadikan beberapa pergerakan sebagai rukun dan menuntut kekhushyukan sebagai kesempurnaan solat. Pergerakan-pergerakan yang melibatkan regangan sendi-sendi tubuh badan selama sekurang-kurangnya beberapa saat yang dikenali sebagai *Tama'ninah* adalah satu senaman yang menggerakkan otot-otot dan sesendi bagi tujuan peredaran darah dan oksigen dalam tubuh badan.<sup>3</sup> Apatah lagi kekhushyukan yang dituntut manusia mencapainya dalam solat adalah terapi minda yang paling efektif.

Tubuh badan manusia adalah mulia semasa hidup mahupun selepas kematiannya.<sup>4</sup> Syariat Islam amat menitikberatkan penjagaan tubuh badan manusia<sup>5</sup> sehinggakan membincangkan persoalan penjagaan kebersihan tubuh badan, pakaian, tempat tinggal, makanan dan minuman serta pengamalan gaya hidup sihat secara terperinci. Bahkan dalam pensyariatian amalan-amalan umum mahupun khusus, matlamat pencapaian kesihatan spiritual<sup>6</sup> dan fizikal<sup>7</sup> ditekankan.

<sup>1</sup> Lihat : Ibn Syirawayh, Abu Syuja<sup>c</sup> Syirawayh bin Syahardar al-Dilami al-Hamdhani (1986M), *al-Firdaws Bi Ma'thur al-Khattab* (Sunt. al-Sa<sup>c</sup>id bin Basiyuni Zaghlul), Beirut : Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah, j. 2, h.393 (Bab al-Sad, Fasl <sup>c</sup>Ali bin Abi Talib).

<sup>2</sup> Al-Manawi, <sup>c</sup>Abd al-Ra<sup>'</sup>uf (1356H), *Fayd al-Qadir*, Mesir : al-Maktabah al-Tijarah al-Kubra, j.4, h.212.

<sup>3</sup> Lihat perbincangan saintifik tentang terapi kesihatan melalui solat dalam; Mohammad Salleh (2009M), *Terapi Solat Tahajjud Mukjizat Penyembuh Penyakit*, Selangor : PTS Millenia, h. 2-57; Hidatul Akmal Ahmad, *Memperkasa Ibadat Solat (Manfaat Pergerakan Dalam Solat)*, Metro Ahad, 17 April 2011, h.E4-E5.

<sup>4</sup> Al-Sarakhsi, <sup>c</sup>Abu Bakr Muhammad Bin Ahmad Bin <sup>'</sup>Abi Sahl (t.t.), *al-Mabsut*, Beirut : Dar al-Ma<sup>c</sup>rifah, j.2, h. h.59.

5 Nabi SAW bersabda: *إن لجسدك عليك حقا*. Maksudnya : *Sesungguhnya bagi tubuhmu ada haknya yang mesti kamu tunaikan*. Lihat : al-Bayhaqi (1994M), Al-Bayhaqi, Abu Bakr Ahmad bin al-Husayn bin <sup>c</sup>Ali bin Musa (1994M), *Sunan al-Bayhaqi al-Kubra* (Sunt. Muhammad <sup>c</sup>Abd al-Qadir <sup>c</sup>Ata), Mekah : Maktabah Dar al-Baz, j.4, h.275 (Bab Man Karih al-Siwak bi al-<sup>c</sup>Asyiy Iza Kana Sa'imān, no.8128); Al-Mubarakfuri, Abu al-<sup>c</sup>Ala Muhammad <sup>c</sup>Abd al-Rahman bin <sup>c</sup>Abd al-Rahim (t.t.), *Tuhfat al-Ahwadhi*, Beirut : Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah, j.7, h.81.

6 Terdapat 130 ayat-ayat dalam al-Qur'an yang berkaitan dengan kesihatan spiritual. Lihat : al-Habbal, Dr. Muhammad Jamil (1997M), *al-Tibb Fi al-Quran*, Beirut : Dar al-Nafa'is, h.103-104.

<sup>7</sup> Terdapat 59 ayat-ayat al-Qur'an berkaitan peranan anggota manusia, 10 ayat-ayat al-Qur'an berkaitan mata dan 15 ayat-ayat al-Qur'an berkaitan telinga, hidung dan kerongkong. Lihat : *Ibid.*, h.104, 106 dan 107.

Bermula dengan penyucian spiritual daripada sifat-sifat mazmumah seperti marah dan hasad dengki sehinggalah kepada penyucian fizikal daripada najis dan kotoran. Islam juga amat menitikberatkan pencegahan penyakit dengan pengamalan gaya hidup sihat yang merangkumi kesederhanaan pengambilan makanan dan minuman, kebersihan tubuh badan seperti perapian kuku dan rerambut, mandi, amalan beriadah dan berekreasi sehinggalah kepada pemulihan kesihatan secara terperinci dan komprehensif.

### **Kedudukan Ilmu Perubatan Dalam Islam.**

Dalam kehidupan, manusia memerlukan antara satu sama lain untuk saling memenuhi keperluan dan keselesaan mereka seperti urusan perekonomian, pendidikan, ketenteraan, kebajikan dan kesihatan. Manusia dituntut agar mendalami ilmu pengetahuan berkaitan kemahiran-kemahiran di atas bagi memastikan keperluan dan keselesaan hidup dicapai melalui kemajuan dan ketenteraman negara. Dengan yang demikian, ‘Imam al-Haramayn berpendapat bahawa hukum mempelajari ilmu-ilmu tersebut termasuk ilmu perubatan adalah fardu kifayah namun hukum mempelajarinya berubah menjadi fardu ain bagi individu tersebut<sup>1</sup> apabila peluang atau tawaran mendalami ilmu-ilmu tersebut hanya tertentu kepada seseorang mukallaf.

Tidak semua manusia berkecukupan dan berpeluang mendalami ilmu perubatan kerana prasyarat kemasukan ke bidang pengajian ini memerlukan kelulusan yang cemerlang dalam akademik. Bagi mereka yang berkecukupan dari sudut prasyarat kemasukan dan berpeluang melanjutkan pengajian dalam bidang ini setelah mendapat tawaran, maka individu tersebut dianggap mempunyai peluang khas yang ditentukan ke atasnya.

Ilmu perubatan pernah disifatkan Imam al-Syafi<sup>c</sup>i sebagai sebahagian daripada ilmu yang perlu dipelajari manusia selepas mempelajari ilmu agama dan ianya sering diabaikan manusia sebagaimana mereka mengabaikan kepentingan ilmu astronomi. Kata-kata imam al-Syafi<sup>c</sup>i yang terkenal dalam ilmu perubatan ialah:

العالم علمان علم الأبدان وعلم الأديان

Maksudnya: *Ilmu terbahagi dua, ilmu kesihatan dan ilmu agama<sup>2</sup>, dan*

شيان أغفلهما الناس النظر في الطب والعناية بالنجوم

Maksudnya : *Dua ilmu yang sering dilalaikan manusia iaitu; mengkaji ilmu perubatan dan ilmu astronomi.<sup>1</sup>*

1 Pendapat ini ditukilkan oleh Hisyam Ibrahim al-Khatib dalam kitabnya. Lihat : Hisyam Ibrahim al-Khatib (1985M), *al-Wajiz Fi al-Tibb al-Islami*, Amman : Dar al-‘Arqam, h.15

<sup>2</sup> Lihat : al-‘Asbahani, ‘Abu Na‘im ‘Ahmad bin ‘Abd al-Lah (1405H), *Hulliyah al-‘Awliya’*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Arabi, j.9, h.142; al-Jarahi, ‘Isma‘il bin Muhammad al-‘Ajluni (1405H), *Kasyf al-Khafa’* (Sunt. Ahmad Qalasy), Beirut: Mu’assasah al-Risalah, c.4, j.2, h.280.

Pada pandangannya, tiada ilmu yang lebih mulia selepas ilmu agama melainkan ilmu perubatan. Sekiranya umat Islam mengabaikan ilmu perubatan maka mereka telah mengabaikan satu pertiga daripada perbendaharaan ilmu dan terpaksa bergantung kepada Yahudi dan Nasrani lantaran kedua-dua bangsa tersebut amat mementingkan penguasaan ilmu perubatan.<sup>2</sup>

### Penjagaan Kesihatan Sebagai Maqasid al-Syari'ah

Sesungguhnya Allah SWT telah mencipta manusia dengan menguatkan tubuh badan, memuliakan dan mengelokkan bentuk fizikal mereka sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat-ayat berikut:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَيْدِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ  
وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

Maksudnya : *dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan.*

Al-'Isra' : 70

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ﴿٤﴾

Maksudnya : *Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*

Al-Tin : 4

ثُمَّ خَلَقْنَا النُّطْفَةَ عَلَقَةً فَخَلَقْنَا الْعَلَقَةَ مُضْغَةً فَخَلَقْنَا الْمُضْغَةَ  
عِظْمًا فَكَسَوْنَا الْعِظْمَ لَحْمًا ثُمَّ أَنشَأْنَاهُ خَلْقًا آخَرَ فَتَبَارَكَ اللَّهُ  
أَحْسَنُ الْخَالِقِينَ ﴿٤﴾

Maksudnya : *kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi*

<sup>1</sup> Ibid.

<sup>2</sup> Al-Dhahabi, 'Abu 'Abd al-Lah Muhammad bin 'Ahmad bin 'Uthman bin Qaymaz (1413H), *Siyar 'A'lam al-Nubala* (Sunt. Syu'ayb 'Arna'ut), Beirut : Mu'assasah al-Risalah, c.9, j.10, h.57.

*seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging, setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.*

Al-Mu'minin : 14

Oleh kerana kemuliaan tersebut maka manusia digesa memelihara spiritual, mental dan fizikal mereka daripada kemudaratan dan kesakitan. Bahkan pemeliharaan tubuh badan dan jiwa telah dijadikan salah satu daripada lima *Maqasid al-Syari'ah* atau matlamat pensyariatian dalam Islam. *Al-Maslahah* menurut Imam al-Ghazali<sup>1</sup> ialah pemeliharaan terhadap objektif Syarak yang merangkumi lima perkara iaitu; agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Setiap usaha yang terkandung di dalamnya objektif pemeliharaan mana-mana daripada lima perkara di atas maka ianya dianggap *al-Maslahah* dan sebaliknya sebarang usaha yang merosakkan atau membinasakan mana-mana lima perkara tersebut pula dianggap *al-Madarrah* dan usaha untuk menghilangkan *al-Madarrah* itu pula dianggap *al-Maslahah*.

Penjagaan nyawa bukan sahaja bermaksud memeliharanya daripada kemudaratan perbuatan orang-orang yang zalim bahkan termasuk di dalam maksud pemeliharaan tersebut apa-apa sahaja yang boleh memudaratkannya secara langsung seperti bunuh atau tidak langsung seperti memaksa diri melakukan sesuatu di luar batas kemampuannya, membiarkan diri terdedah kepada serangan penyakit-penyakit merbahaya dan tidak berusaha berubat ketika ditimpa penyakit.<sup>2</sup> Pemeliharaan nyawa yang berada pada kedudukan kedua teratas selepas penjagaan agama menunjukkan peri pentingnya amanah tersebut dan dikira dalam Syariat sebagai *al-Daruriyyat* atau keperluan utama dalam Syariat Islam. Dengan yang demikian hukum membunuh diri atau saling berbunuhan adalah sesuatu yang amat ditegah dalam Islam sebagaimana firman Allah SWT dalam ayat berikut :

... وَلَا تَلْفُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْهَلَكَةِ

Maksudnya : ...dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan... al-Baqarah: 195.

وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ

<sup>1</sup> Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid Muhammad bin Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (Mnggl 505H), *al-Mustasfa fi 'Ilm al-Usul* (Sunt. Muhammad °Abd al-Salam °Abd al-Syafi), Beirut : Dar al-Kutub al-°Ilmiyyah, 1996M, h. 174.

<sup>2</sup> al-Ghamidi, °Abd al-Lah Salim (1997M), *Mas'uliyah al-Tabib al-Mihaniyyah*, Jeddah : Dar al-Andalus al-Khadra', h. 48.

Maksudnya : ...*dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri.*

Al-Nisa' : 2

Sementara menerusi al-Sunnah, larangan tersebut terdapat dalam sabda Nabi SAW berikut:

من قتل نفسه بحديدة فحديدته في يده يتوجأ بها في بطنه في نار جهنم خالدا مخلدا فيها أبدا ومن شرب سماً فقتل نفسه فهو يتحساه في نار جهنم خالدا مخلدا فيها أبدا ومن تردى من جبل فقتل نفسه فهو يتردى في نار جهنم خالدا مخلدا فيها أبدا.

Maksudnya : *Sesiapa yang membunuh dirinya dengan menggunakan besi maka besi tersebut akan berada di tangannya dan menikam-nikam perutnya dalam neraka Jahannam buat selama-lamanya. Sesiapa yang membunuh dirinya dengan meminum racun maka dia akan merasai racun tersebut dalam neraka Jahannam buat selama-lamanya. Sesiapa yang membunuh diri dengan cara terjun dari puncak bukit maka dia akan melakukan demikian (terjun daripada puncak bukit) dalam neraka Jahannam buat selama-lamanya.*<sup>1</sup>

Selain daripada tanggungjawab manusia memelihara diri dan nyawa sendiri daripada punca kemusnahan, Islam juga mewajibkan penganutnya menghindarkan diri daripada memusnahkan diri dan nyawa orang lain. Tanggungjawab pemeliharaan diri dan nyawa orang lain ini adalah sama beratnya dengan tanggungjawab memelihara diri dan nyawa sendiri lantaran tiada sebarang perbezaan atau keistimewaan antara seseorang dengan yang lain dalam Islam kecuali sifat taqwa sebagaimana firman Allah SWT :

<sup>1</sup> Lihat : Muslim, Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyayri al-Naysaburi (t.t.), *Sahih Muslim* (Sunt. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi), Beirut: Dar 'Ihya' al-Turath, j.1, h.103 (Kitab al-'Iman, Bab Ghalz Tahrim Qatl al-Insan Nafsah, no : 109); Ibn Hiban, 'Abu Hatim Muhammad bin Hiban bin Ahmad al-Tamimi al-Basti (1993M), *Sahih Ibn Hiban* (Sunt. Syu'ayb al-'Arnaut), Beirut : Mu'assasah al-Risalah, c.2, j.13, h.325 (Kitab al-Jinayat, Dhikr Ta'dhib al-Lah Jalla wa 'Ula Fi al-Nar Man Qatal Nafsah Fi al-Dunya, no : 5986); Al-'Asbahani (1996M), Op.Cit., j.1, h.178 ( Kitab al-'Iman, Bab Man Qatal Nafsah bi Hadid, no : 293); Abu 'Awanah, Ya'qub bin Ishaq al-Asfara'ini (1998M), *Musnad Abi 'Awanah I* (Sunt. 'Ayman bin 'Arif al-Dimasyqi), Beirut: Dar al-Ma'rifah, j.1, h.49 (Kitab al-'Iman, Bayan al-Tasydid Fi al-Ladhi Yaqtul Nafsah, no : 123); Al-Tirmidhi (t.t.), Op.Cit., j.4, h.386 (Kitab Rah 'An Rasul al-Lah SAW, Bab Ma Ja'a Fi Man Qatal Nafsah Bi Samm Aw Ghayruh, no : 2043); al-'Azdi, Mu'ammad bin Rasyid (1403H), *al-Jami' li Mu'ammad bin Rasyid* (Sunt. Habib al-A'zami), Beirut : al-Maktab al-Islami, c.2, j.10, h.463 (Bab Man Qatal Nafsah).



## إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقَىٰكُمْ

Maksudnya : *Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu.*

Al-Hujurat : 13

Di dalam al-Quran juga dinukilkan perjanjian manusia dengan Allah SWT agar tidak menumpahkan darah sesama mereka menerusi firman Allah SWT berikut :

## وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَكُمْ لَا تَسْفِكُونَ دِمَاءَكُمْ

Maksudnya : *dan (ingatlah), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan kamu: "(bahawa) janganlah kamu menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan) sesama sendiri...*

Al-Baqarah : 84

Menurut para mufassirin, ‘janganlah kamu menumpahkan darah sesama sendiri’ dalam ayat ini bermaksud ‘janganlah kamu membunuh orang lain tanpa hak sehingga akhirnya kamu dibunuh secara *Qisas*, janganlah berzina dan murtad kerana hukuman bagi kedua-dua kesalahan tersebut juga adalah bunuh’.<sup>1</sup> Demikian juga manusia diharamkan membunuh manusia lain kecuali dengan kebenaran Syariat menerusi ayat-ayat berikut :

## وَلَا تَقْتُلُوا النَّفْسَ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ ۗ وَمَنْ قُتِلَ مَظْلُومًا فَقَدْ جَعَلْنَا لَوْلِيَّهِ سُلْطٰنًا فَلَا يُسْرِفُ فِي الْقَتْلِ ۗ إِنَّهُ كَانَ مَنصُورًا ۗ

Maksudnya : *dan janganlah kamu membunuh diri seseorang manusia yang diharamkan oleh Allah membunuhnya kecuali dengan alasan yang benar. dan sesiapa yang dibunuh secara zalim, maka sesungguhnya Kami telah menjadikan warisannya berkuasa menuntut balas. Dalam pada itu, janganlah ia melampau dalam menuntut balas bunuh itu, kerana sesungguhnya ia adalah mendapat sepenuh-penuh pertolongan (menurut hukum Syarak). Al-‘Isra’ : 33*

<sup>1</sup> al-Qurtubi, Abu °Abd al-Lah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr bin Farah (1372H), *Tafsir al-Qurtubi* (Sunt. Ahmad °Abd al-°Alim al-Barduni), Kaherah: Dar al-Sya°b, j.1, h.394-397.

... مَنْ قَتَلَ نَفْسًا بِغَيْرِ نَفْسٍ أَوْ فَسَادٍ فِي الْأَرْضِ فَكَأَنَّمَا قَتَلَ النَّاسَ جَمِيعًا وَمَنْ أَحْيَاهَا فَكَأَنَّمَا أَحْيَا النَّاسَ جَمِيعًا

Maksudnya : ...bahawasanya sesiapa yang membunuh seorang manusia dengan tiada alasan yang membolehkan membunuh orang itu, atau (kerana) melakukan kerosakan di muka bumi, maka seolah-olah dia telah membunuh manusia semuanya; dan sesiapa yang menjaga keselamatan hidup seorang manusia, maka seolah-olah dia telah menjaga keselamatan hidup manusia semuanya.

Al-Ma'idah : 32

Oleh kerana beratnya kesalahan membunuh maka Syariat telah menetapkan suatu bentuk hukuman (*al-Qisas*) bagi pembunuh yang sengaja berbuat demikian. Allah SWT juga telah memberi ancaman azab yang berat bagi pembunuh di Akhirat. Firman Allah SWT :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الْقِصَاصُ فِي الْقَتْلِ ۖ الْحُرُّ بِالْحُرِّ وَالْعَبْدُ بِالْعَبْدِ وَالْأُنثَىٰ بِالْأُنثَىٰ

Maksudnya : Wahai orang-orang yang beriman! Diwajibkan kamu menjalankan hukuman "Qisas" (balasan yang seimbang) dalam perkara orang-orang yang mati dibunuh iaitu: orang merdeka dengan orang merdeka, dan hamba dengan hamba, dan perempuan dengan perempuan...

Al-Baqarah : 178

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا

Maksudnya : dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka jahanam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya, dan melaknatkannya serta menyediakan baginya azab seksa yang besar. Al-Nisa' : 93

Berdasarkan ayat di atas, pemusnahan nyawa orang lain tanpa kebenaran Syarak dengan apa cara sekalipun sama ada ditikam, ditumbuk, ditembak atau lain-lain cara adalah satu jenayah berat yang dijanjikan hukuman di dunia mahupun di akhirat. Di samping balasan *Qisas* bagi pembunuh di dunia, mereka juga

dihalang daripada menerima pusaka dan wasiat sekiranya pembunuh tersebut merupakan anak bagi mangsa bunuh.<sup>1</sup> Daripada penerangan di atas jelas menunjukkan perlindungan Syariat terhadap nyawa manusia dengan menyediakan balasan setimpal di dunia dan akhirat. Bahkan bagi mereka yang tidak sengaja terbunuh manusia lain juga disediakan *kaffarah* yang setimpal melalui pembayaran *al-Diyah*<sup>2</sup> sehingga hak waris mangsa di dunia tidak terabai.

Bukan sekadar pemeliharaan keselamatan nyawa bahkan Islam juga memuliakan anggota tubuh badan manusia seperti tangan, kaki dan lain-lain anggota sehinggakan mewajibkan anggota tersebut ditanam sekiranya terpotong daripada jasad manusia.<sup>3</sup> Daripada penghuraian ayat-ayat di atas jelas menunjukkan tanggungjawab manusia terhadap keselamatan dan kesejahteraan dirinya sendiri dan orang lain daripada sebarang bentuk kemusnahan dan kemudaratatan.

### Penjagaan Kesihatan Melalui Gaya Hidup Sihat

Dalam konteks pemeliharaan diri atau jasad daripada terdedah kepada sebarang penyakit Islam menggalakkan manusia mengamalkan gaya hidup sihat seperti bersederhana dalam pengambilan makan dan minum. Mengenai cara pemakanan yang betul disebutkan dalam al-Quran<sup>4</sup> dan al-Sunnah. Antaranya Nabi SAW bersabda begini:

"ما ملأ آدمي وعاء شرا من بطن حسيك يا بن آدم لقيمات يقمن صلبك فإن كان  
لا بد فتلت طعام وثلت شراب وثلت نفس"

Maksudnya : *Seseorang manusia tidak memenuhi kantung perutnya dengan sesuatu yang tidak baik. Wahai manusia! Memadailah makan beberapa suap sekadar menguatkan tulang belakangmu! Sesungguhnya perut itu seharusnya diisi sekadar*

1 Al-Syafi'i, al-Imam Abi 'Abd al-Lah Muhammad bin Idris (1993M), *al-'Umm*, Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.6, h.92.

2 *Al-Diyah* ialah nama material yang diwajibkan atas kesalahan jenayah yang membabitkan nyawa atau anggota tubuh badan yang lain. Nilai *al-Diyah* ialah 100 ekor unta atau 1000 dinar emas atau 12 000 dirham perak atau yang senilai. Lihat : Dr. Ahmad Muhammad Kan'an (2000M), *al-Mawsu'ah al-Tibbiyyah al-Fiqhiyyah*, Beirut : Dar al-Nafa'is, h.468.

<sup>3</sup> Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd al-Lah bin Ahmad (1405H), *al-Mughni*, Beirut : Dar al-Fikr, j.2, h.209; Juga disebutkan dalam kitab al-Mughni bahawa sunat menanam kuku dan rerambut yang dipotong. Lihat; Ibid., j.1, h.64.

<sup>4</sup> Lihat persoalan pemakanan disebutkan dalam al-Quran dalam ayat-ayat berikut : al-Baqarah : 61 dan 172, al-Ma'idah : 87,88 dan 96, al-'A'raf : 32, al-Nahl : 66, 67 dan 72, Maryam : 25 dan 26, al-Mu'minun : 20 dan 21, al-Furqan : 48 dan Yasin : 35, 71, 72 dan 73.

*satu pertiga makanan, satu pertiga minuman dan satu pertiga lagi untuk pernafasan.*<sup>1</sup>

Di antara faedah makan sedikit atau makan secara sederhana dari sudut luaran (fizikal) ialah untuk kesihatan tubuh badan kerana makan secara berlebihan merupakan punca kebanyakan penyakit dan kesakitan.<sup>2</sup> Manakala faedah makan secara sederhana dari sudut dalaman (spiritual) pula ialah melembutkan hati, mudah memahami pelajaran, melemahkan hawa nafsu dan sifat marah.<sup>3</sup> Di dalam ayat ini juga disebut tentang penutupan aurat sebagai amalan yang sihat lantaran pendedahan aurat boleh mendatangkan kemudaratan dan kesakitan<sup>4</sup> terhadap tubuh sama ada dari sudut kesihatan kulit mahupun dari sudut mendedahkan diri kepada bahaya penceroohan maruah diri.

Meneliti konsep penjagaan kesihatan dan keselamatan nyawa yang diwajibkan ke atas seseorang terhadap dirinya sendiri yang begitu tegas dan komprehensif dalam pembentangan di atas maka dapat difahami di sini bahawa tanggungjawab penjagaan kesihatan dan keselamatan nyawa oleh seseorang terhadap orang lain tentulah sama kewajipannya bahkan lebih perlu dilakukan dengan berhati-hati lantaran adanya implikasi hukum dan perundangan dalam Islam. Dalam konteks melakukan pemeriksaan kesihatan, rawatan dan terapi tertentu, prinsip dan garispanduan yang diperuntukkan oleh Islam perlu diaplikasikan beserta undang-undang dan dasar kerajaan dalam perkhidmatan kesihatan. Penegasan berkali-kali tentang tanggungjawab menjaga keselamatan anggota tubuh, nyawa dan kehormatan diri sendiri dan orang lain dalam al-Quran jelas menunjukkan sebarang perkhidmatan yang berkaitan dengan kehormatan dan keselamatan tubuh badan serta nyawa orang lain adalah satu perkhidmatan yang semestinya diuruskan dengan cermat dan berhati-hati berlandaskan ruang lingkup yang diperuntukkan syariat berdasarkan keperluan dan kepentingan dalam perkhidmatan tersebut.

<sup>1</sup> Lihat : Ibn Hiban (1993M), Op.Cit., j.12, h.41 (Kitab al-At'imah, Bab Adab al-Akl, no: 5236); al-Nasa'i, Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'ayb (1986M), *Sunan al-Nasa'i (al-Mujtaba)* (Sunt. 'Abd al-Fattah Abu Ghadah), Halb : Maktab al-Matbu'at al-'Islamiyyah, j.4, h.177 (Kitab Adab al-Akl, al-Nahy 'An Raf' al-Sahifah Hatta Tal'aq, no: 6769); Ibn Majah, Abu 'Abd al-Lah Muhammad bin Yazid al-Qazwayni (t.t.), *Sunan Ibn Majah* (Sunt. Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi), Beirut: Dar al-Fikr, j.1, h.111 (Kitab al-At'imah, Bab al-Iqtisad Fi al-Akl wa Karahah al-Syab', no : 3349); al-Haythami, Abu Hasan 'Ali bin Abi Bakr al-Haythami (t.t.), *Mawarid al-Zam'an* (Sunt. Muhammad 'Abd al-Razzaq Hamzah), Beirut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j.1, h.328 (Kitab al-At'imah, Bab Fi ma Yakfi al-Insan Min al-Akl Wa al-Syurb, no : 1348).

<sup>2</sup> Lihat perbincangan makanan halal dan berkhasiat dalam; Dr Danial Zainal Abidin (2010M), *Perubatan Islam Dan Bukti Sains Moden*, Kuala Lumpur : Pts Millenia Sdn. Bhd, Ed.11, h.25-62.

<sup>3</sup> Ibn Rajab, Abu al-Farj 'Abd al-Rahman bin Ahmad (1408H), *Jami' al-'Ulum Wa al-Hikam*, Beirut : Dar al-Ma'rifah, j.1, h.426.

<sup>4</sup> al-Ghamidi (1997M), Op.Cit., h. 49.

## Perkhidmatan Kesihatan Di Malaysia

Menelusuri perkembangan perkhidmatan kesihatan di Malaysia, taraf kesihatan di negara ini telah meningkat dengan ketara hasil daripada komitmen dan sokongan padu kerajaan yang menganggap kesihatan sebagai satu tanggungjawab sosial. Komitmen ini adalah berdasarkan kepada pengiktirafan yang diberi terhadap kesihatan sebagai satu faktor penting dalam proses pembangunan yang boleh membawa kepada perubahan sosio ekonomi dan seterusnya meningkatkan kualiti hidup.<sup>1</sup> Di Malaysia penjagaan kesihatan di laksanakan bersama-sama sektor awam dan swasta. Walaubagaimanapun penyediaan perkhidmatan kesihatan lebih banyak melibatkan sektor awam.

Menerusi RMK9 terdapat lima Misi Nasional<sup>2</sup> yang diketengahkan bagi tempoh 2006 hingga 2010 iaitu, Pertama; meningkatkan ekonomi dan rantaian nilai lebih tinggi. Kedua; meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama'. Ketiga; menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif. Keempat; meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup. Kelima; mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

Daripada kelima-lima misi nasional tersebut, misi yang keempat iaitu 'meningkatkan tahap dan kemapanan kualiti hidup' merupakan misi yang paling berkait dengan kesihatan. Rakyat yang sihat adalah rakyat yang berkualiti lantaran potensinya untuk menyumbang kepada kemajuan negara adalah lebih tinggi berbanding rakyat yang lemah atau sakit. Pada masa sekarang, tahap kualiti hidup rakyat Malaysia diukur menggunakan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM).<sup>3</sup> Sepanjang tahun 1990 hingga 2004, IKHM telah meningkat sebanyak 10.9 mata. Di antara komponen yang menyumbang kepada peningkatan IKHM ialah kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan yang disediakan oleh kerajaan Malaysia kepada rakyatnya. Terdapat empat strategi KKM yang dijadikan teras dalam memberi perkhidmatan kesihatan iaitu perubatan pencegahan (*preventive medicine*), penggalakan kesihatan (*promotive medicine*), rawatan (*therapy*) dan program pemulihan (*rehabilitative medicine*).<sup>4</sup>

Dalam memastikan kesihatan individu sentiasa baik, kaedah perubatan pencegahan diamalkan. Justeru, perubatan pencegahan telah dijadikan strategi pertama perkhidmatan kesihatan di Malaysia. Konsep pencegahan ini sangat jelas terkandung dalam al-Quran menerusi ayat berikut :

---

<sup>1</sup> Brosur Kualiti Hidup Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, 1999.

<sup>2</sup> Brosur Misi Nasional, Rancangan Malaysia Kesembilan 2006-2010, h. 15-19.

<sup>3</sup> Abu Bakar Abdul Majeed (2008), Op.Cit., h. 8.

<sup>4</sup> Ibid.

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ\*

Maksudnya : ...*dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan...*

al-Baqarah : 195

Baginda SAW pernah melarang orang-ramai pergi ke tempat yang diketahui telah ditimpa dengan wabak penyakit tertentu menerusi sabda berikut :

...فمن سمع به بأرض فلا يقدمن عليه ومن كان بأرض وقع بها فلا يخرج فرارا منه

Maksudnya: "...*sesiapa yang mendengar khabar tentang suatu wabak penyakit di suatu tempat maka janganlah dia pergi ke tempat tersebut dan sesiapa yang berada dalam suatu tempat yang telah terkena wabak penyakit maka janganlah pula dia melarikan diri daripada tempat tersebut.*"<sup>1</sup>

Larangan ini bertujuan mengelakkan diri daripada turut dijangkiti wabak-wabak penyakit merbahaya dan ini adalah salah satu kaedah pencegahan. Dalam KKM, perubahan pencegahan ini diaplikasikan menerusi program pelalian dan imunisasi kepada bayi-bayi kecil bagi mengelak penyakit-penyakit membawa maut seperti batuk kokol, pertusis, kancing gigi, polio dan batuk kering.

Menerusi strategi program perkhidmatan kesihatan kedua iaitu program penggalakan penjagaan kesihatan, beberapa kempen telah dilancarkan seperti Kempen Gaya Hidup Sihat dan Kempen Persekitaran Sihat yang memberi penekanan kepada tingkah-laku, pemakanan dan pemikiran yang sihat serta kesedaran tentang kepentingan senaman dan kecergasan selain menjauhi amalan gaya hidup yang boleh memudaratkan kesihatan seperti merokok dan pengambilan dadah. Rasulullah SAW sendiri merupakan seorang yang sangat mementingkan amalan gaya hidup sihat. Amalan-amalan penjagaan kebersihan, pemakanan dan senaman dapat diteliti menerusi ratusan hadis Baginda SAW yang terkandung dalam kitab-kitab hadis. Selain daripada kempen-kempen di atas, beberapa program dilancarkan bagi memastikan strategi ini tercapai. Antaranya ialah Program Pemakanan Sihat di kalangan pelajar daripada

---

<sup>1</sup>Lihat : Al-Bukhari, Abu <sup>c</sup>Abd al-Lah Muhammad bin Isma<sup>c</sup>il al-Bukhari al-Ja<sup>c</sup>fi (1987M), *Sahih al-Bukhari* (Sunt. Dr. Mustafa Dib al-Bagha), Beirut : Dar Ibn Kathir al-Yamamah, j.4, h.2557 (Kitab al-Hiyal, Bab Ma Yakrah min al-'Ihtiyal Fi al-Firar Min al-Ta<sup>c</sup>un, no.6573); Muslim (t.t.), Op.Cit., j.4, h. 1738 (Kitab al-Salam, Bab al-Ta<sup>c</sup>un wa al-Tayrah wa al-Kahanah wa Nahwiha, no. 2218).

keluarga berpendapatan rendah yang digabungkan dengan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT).

Strategi ketiga dalam perkhidmatan kesihatan di Malaysia ialah rawatan penyakit. Islam amat mementingkan kesihatan dan menuntut umatnya mendapatkan rawatan apabila ditimpa sesuatu penyakit. Dalam ikhtiar penyembuhan ini, ada beberapa prinsip yang perlu dititik-beratkan oleh pesakit muslim iaitu pertama; kuasa penyembuhan adalah terletak secara mutlak di tangan Allah SWT, kedua; pengubat dan perawat hanya berikhtiar berdasarkan ilmu yang mereka ada untuk merawat pesakit dan ketiga; tidak menggunakan teknik rawatan yang bertentangan dengan akidah seperti bersekongkol dengan syaitan. Menerusi strategi ini KKM telah membelanjakan sebgaiian besar peruntukan yang diterimanya.

Sementara menerusi strategi keempat dalam perkhidmatan kesihatan di Malaysia iaitu program pemulihan dan paliatif<sup>1</sup> telah meringankan penderitaan pesakit-pesakit tertentu. Menerusi rawatan pemulihan seperti fisioterapi mampu membantu mengembalikan kualiti kesihatan pesakit angin ahmar dan pesakit yang mengalami kegagalan sendi, otot dan tulang akibat kemalangan. Penderitaan pesakit-pesakit yang mengidap penyakit kronik dan penyakit yang boleh membawa maut dapat diringankan melalui penjagaan paliatif.

Strategi-strategi kerajaan dalam perkhidmatan kesihatan di atas telah menyumbang kepada peningkatan dan penambahbaikan kesihatan awam yang diukur berdasarkan Indeks Kualiti Hidup Malaysia (IKHM). Dalam tempoh 50 tahun kemerdekaan Malaysia peningkatan kualiti kesihatan adalah sangat memberangsangkan. Sebagai contoh, kadar kematian kasar penduduk menurun daripada 10.6 perseribu penduduk pada tahun 1957 kepada 4.5 perseribu penduduk pada tahun 2008. Kadar kematian bagi penduduk yang berkurangan bagi jangka masa di atas dipecahkan seperti berikut : bagi peringkat bayi kadar kematian berkurangan daripada 73.0/1000 kepada 4.5/1000 manakala bagi kanak-kanak kecil berusia kurang daripada dua tahun, kadar kematian berkurangan daripada 8.9/1000 kepada 0.4/1000. Kadar ibu meninggal dunia ketika bersalin yang berkurangan daripada 2.8/ 1000 pada tahun 1959 kepada 0.3/1000 pada tahun 2008 adalah hampir setanding dengan negara-negara maju. Purata berat bayi yang dilahirkan di negara ini juga meningkat. Pada tahun 2008, 89.5 peratus bayi dilahirkan melebihi berat 2.5 kilogram.<sup>2</sup> Ini bermakna perkhidmatan kesihatan reproduktif keluarga di Malaysia adalah di antara perkhidmatan terbaik menyaingi negara-negara maju di dunia.

---

<sup>1</sup> Lihat : Palliative Care Operational Policy (November 2010), MOH/P/PAK/ 203.10(BP), Medical Development Division, Ministry Of Health.

<sup>2</sup> Perangkaan dalam perenggan ini diperolehi daripada Health Informatics Centre, Planning And Development Division, Ministry Of Health Malaysia. Lihat: <http://www.moh.gov.my>

Kualiti kesihatan penduduk negara juga diukur berdasarkan jangka hayat penduduknya. Pada tahun 1998, jangka hayat penduduk lelaki Malaysia ialah 70 tahun manakala jangka hayat penduduk wanita Malaysia ialah 75 tahun. Dalam tempoh sepuluh tahun iaitu pada tahun 2008, jangka hayat penduduk Malaysia telah bertambah kepada 71.7 tahun bagi lelaki dan 76.4 tahun bagi wanita. Perangkaan-perangkaan di atas menunjukkan kejayaan kerajaan Malaysia dalam melonjakkan mutu kesihatan penduduk Malaysia menerusi strategi serampang empat matanya dalam perkhidmatan kesihatan.

## **Penutup**

Perbahasan ringkas ini telah menunjukkan bahawa menjaga kesihatan dalam Islam adalah satu kewajipan yang mempunyai merit dosa-pahala. Menjaganya adalah ibadah manakala mengabaikan adalah satu penderhakaan bukan sahaja kepada kepada tuntutan Syarak bahkan kepada kesemulajadian biologi manusia itu sendiri. Taraf kesihatan telah dijadikan sebagai kayu pengukur kemajuan sesuatu negara di dunia manakala di sisi agama pengukuran sejauhmana ketaatan dan kekuatan iman seseorang dinilai berdasarkan penghayatan kebersihan (al-Taharah) dan amalan gaya hidup sihat yang menunjukkan kepentingan penjagaan kesihatan dalam Islam.